

## **Konsep Kendiri Remaja**

Azizi bin Hj Yahaya

Menurut Rogers (1980), konsep kendiri bermaksud definisi diri yang diberikan pada diri secara sedar apabila menggunakan perkataan 'saya'. Ia adalah gambaran persepsi kendiri yang tersusun yang dapat dibawa ke peringkat sedar. Konsep kendiri penting kerana ia adalah identiti peribadi seseorang dilihat oleh dirinya yang merangkumi perasaan, pengetahuan, kepercayaan tentang siapa dirinya, dan pencarian identiti diri ini akan membawa kematangan kepada remaja kerana ia seringkali berfikir dan menilai diri dan tingkahlakunya dan membuat penyesuaian agar menepati kehendak idealnya.

Azizi et. al. (2004) dalam buku Psikologi Sosial mendefinisikan konsep kendiri sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menanggapi tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif terhadap kebolehan diri yang sebahagian besar 'saya' dapat diperoleh daripada pengalaman sosial. Sering kali individu memberi perhatian pada apa yang dikatakan oleh orang yang rapat seperti rakan, ibu bapa dan guru mengenai dirinya daripada aspek personaliti, sikap, nilai, rupa wajah dan sebagainya yang dapat mencerminkan pandangan orang lain pada diri, samada secara positif atau pun negatif. Pengiktirafan dan pemahaman yang lebih mendalam akan dirinya akan memudahkan beliau menghadapi cabaran hidup kerana dapat menerima kelebihan dan kelemahan yang ada.